



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**BAHASA ISTANA KELANTAN DARI SUDUT SOSIOLINGUISTIK**

**ZULKEFLEE BIN YAACOB**

**FBMK 2009 17**

**BAHASA ISTANA KELANTAN DARI SUDUT  
SOSIOLINGUISTIK**

**Oleh**

**ZULKEFLEE BIN YAACOB**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2009**



## Dedikasi

Iltizam dan kemuliaan buat:

Haji Yaacob bin Haji Musa (ayah)  
Siti Minah binti Mamat ( mek/ibu )

Teristimewa untuk:

Isteriku,  
Hajah Siti Noor binti Haji Sidin Ahmad

Anak-anakku  
Amirul Azim  
Aiman Hazim  
Aniq Danial  
Qistina Sarah  
Muhammad Iyad Daniel

Yang menjadi obor dan cermin  
Aspirasiku  
Semoga doa, harapan dan pengorbanannya  
Mengiringi setiap jejakku



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**BAHASA ISTANA KELANTAN DARI SUDUT SOSIOLINGUISTIK**

Oleh

**ZULKEFLEE YAACOB**

**Ogos 2009**

**Pengerusi : Hj. Che Ibrahim bin Hj Salleh, Ph.D**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Bahasa istana Kelantan merupakan kelainan kebahasaan daripada bahasa biasa dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan. Bahasa istana Kelantan atau bahasa susila digunakan penyelidik kerana perbezaan sistem tatabahasa, makna bahasa, sebutan, ungkapan, kosa kata dan kata ganti nama diri dalam perhubungan kebahasaan antara kerabat diraja dengan rakyat. Tesis ini merupakan suatu kajian bahasa istana Kelantan dari sudut sosiolinguistik dalam kalangan masyarakat istana Kelantan. Di samping itu, sistem masyarakat Melayu di istana Kelantan yang dikaji meliputi sistem sosial dan sistem nilai. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti dan memperjelas, menghurai dan membincangkan bentuk kata sapaan dan panggilan dalam kalangan masyarakat istana, variasi dan konteks penggunaan.

Bahasa Istana Kelantan berbeza dengan bahasa biasa menyebabkan kebanyakan penutur yang terdiri daripada masyarakat majmuk tidak memahami makna dan menggunakan bahasa dengan betul ketika komunikasi. Penyelidik menyedari bahawa usaha mendokumentasikan bahasa istana secara ilmiah tidak dilakukan. Apalagi



dasar Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dan pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan tidak menjadikan bahasa istana sebagai bahan pengajian dalam kurikulumnya. Malah tiada usaha mempelajari dan memberikan kesedaran tentang bahasa istana sebagai warisan bangsa untuk generasi akan datang dan lama-kelamaan bahasa istana dipinggirkan. Dengan demikian, penyelidikan dilakukan mengikut kaedah kualitatif, iaitu kajian lapangan secara tinjauan, pemerhatian, ikut serta dan temu bual. Untuk memperjelas kajian, kaedah kepustakaan dilakukan dengan merujuk sumber untuk mendapat maklumat yang tepat dan lengkap.

Untuk menerangkan dan memperjelas bahasa istana Kelantan, teori dan prinsip Asmah digunakan sebagai dasar penyelidikan. Di samping merujuk prinsip Ervin-Tripp tentang kata sapaan dan panggilan untuk melengkapkan kajian dari sudut sosiolinguistik. Daripada pemprosesan bahan kajian dapat dirumuskan bahawa sistem masyarakat istana Kelantan mencerminkan nilai sosiolinguistik dan sosiobudaya masyarakat Melayu Kelantan. Bentuk sapaan dan panggilan dalam bahasa istana Kelantan sangat banyak. Bahasa istana juga memperlihatkan kelainan penyebutan, kosa kata, kata ganti nama diri, ungkapan dan sistem bahasa. Konteks penggunaan bahasa istana menunjukkan suasana, situasi dan latar yang mencerminkan keunikan dan identiti masyarakat Melayu Kelantan.



Abstract of thesis presented to the senate of Universiti Putra Malaysia  
in fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor Philosophy

**LANGUAGE OF THE KELANTAN ROYALTIES FROM THE  
SOCIOLINGUISTIC PERSPECTIVE**

By

**ZULKEFLEE YAACOB**

**August 2009**

**Chairman : Hj. Che Ibrahim bin Hj Salleh, PhD**

**Faculty : Modern Language and Communication**

The language of the Kelantan royalties is a different language compared to the normal language spoken by the society at large. The language of the royalties specifically that of the Kelantan Malay Royal community is chosen by the researcher because of its uniqueness in the grammar, semantics, vocabulary, phonology and pronunciation. This thesis focuses on the language of the Kelantan royalties from the sociolinguistic perspective, specifically on the etiquette of greeting and addressing. In addition, the social and value system of the society are also studied. The objectives of the study are to identify, clarify and discuss the form of greeting and addressing used in the royal society and its variation and context of use.

The language of the Kelantan royalties, which is different from the common language has caused difficulty for most communicators from the multiracial community who are unable to understand nor use the language appropriately. The researcher realizes that efforts to document these erudite materials are not done.



Moreover, the national policy on official languages in Malaysia does not include the royal languages as part of the education. In fact, there is no effort made to learn and provide awareness of the royal languages as a heritage of the nation for the future generation and the royal languages will be isolated later. Hence, research must be done via the qualitative method such as commodious survey study, observation, participation and interview. To inform the study, a library survey was also conducted.

To explain and clarify the language of the Kelantan Royalties, this study utilized the theory by Asmah Hj Omar and Ervin-Tripp on greeting and addressing in order to complement the study from the sociolinguistic perspective. The study showed that the royal community of Kelantan portrays the unique sociolinguistic and cultural traits of the people of Kelantan. There are many forms used for greeting and addressing in the language of the Kelantan royalties. The language also has its unique pronunciation, vocabulary, pronominal system, phrase and language system. The type of language, vocabulary and context used by the royalties reflect the uniqueness of the identity of the Kelantan Malay society.



## **PENGHARGAAN**

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

**الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْ اشْرَفِ الْأَنْبِيَا وَالْمُرْسَلِينَ**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang.

Segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan taufik dan hidayah-Nya sehingga penyelidik dapat menyiapkan Tesis yang bertajuk “Bahasa Istana Kelantan dari Sudut Sosiolinguistik” sebagai memenuhi keperluan Program Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bahasa Melayu.

Setinggi-tinggi terima kasih, khususnya kepada Prof Madya Dr Haji Che Ibrahim Salleh yang memberikan tunjuk ajar, panduan dan bimbingan yang amat bermanfaat untuk menyelesaikan pengajian. Terima kasih ini juga kepada Dr Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Dr. Abdul Rashid Daeng Melebek selaku pensyarah yang menyelia untuk menyiapkan tesis ini mengikut tempoh yang ditetapkan. Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Dr. Tg. Mohamed Faziharrudean Tg. Feissal, Setiausaha Sulit Sultan (2007), Dato’ Nik Ishak Dato’ Nik Daud, mantan Ketua Istiadat Istana Kelantan (2007), Dato’ Haji Mohd Rozali Isohak, mantan TMB, Kelantan, Encik Che Mohamed Safaruddin Ismail dan semua informan yang tidak dapat disenaraikan lengkap dalam kesempatan yang terhad ini kerana membantu penyelidik ketika menjalankan penyelidikan ini.

Semoga penulisan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.

**ZULKEFLEE BIN YAACOB**  
Universiti Putra Malaysia

**BERILMU BERBAKTI**

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada 27 Ogos 2009 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zulkeflee bin Yaacob bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Bahasa Istana Kelantan dari Sudut Sosiolinguistik” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Anggota Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti yang berikut:

**Arba’ie Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Ahmad Mahmood Musanif, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Hashim Musa, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Teo Kok Seong, PhD**

Profesor  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 24 November 2009



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah **Doktor Falsafah**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Che Ibrahim Salleh, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Abdul Rashid Daing Melebek, PhD**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**HASNAH MOHD GHAZALI, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 10 Disember 2009



## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa tesis ini ialah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan kod yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dipanjangkan untuk ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau di Institusi lain.

---

( ZULKEFLEE YAACOB )

Tarikh : 15 Oktober 2009



## SENARAI KANDUNGAN

### **Muka Surat**

<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>GLOSARI</b>	xv
<b>SINGKATAN KATA</b>	xvii

### **BAB**

<b>I PENDAHULUAN</b>	
Latar Belakang	1
Penyataan Masalah	7
Objektif Kajian	9
Kepentingan Kajian	10
Skop Kajian	11
Persoalan Kajian	12
Definisi Operasional	14
<b>II SOROTAN KAJIAN</b>	
Pengenalan	22
Bahasa Istana dari Sudut Sosiolinguistik	22
Kesimpulan	48
<b>III METODOLOGI</b>	
Reka Bentuk Kajian	52
Rangka Konsep	54
Tempat Kajian	68
Subjek Kajian	68
Alat Kajian	68
Prosedur Kajian	70
Penganalisisan Data	73
Kesimpulan	74



#### **IV DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN**

Pengenalan	75
Dapatkan Kajian 1 Bentuk Kata Sapaan dan Panggilan dalam Sistem Masyarakat Istana Kelantan	
Sistem Sapaan dan Panggilan dalam Komunikasi Masyarakat Istana Kelantan	76
Gelaran Kebesaran dan Darjah Kebesaran Negeri	89
Jenis Gelaran dan Sapaan dalam Masyarakat Istana Kelantan	102
Jenis Sapaan dan Panggilan dalam Majlis Rasmi	115
Cara Sapaan dan Panggilan Masyarakat Istana Kelantan	118
Etika Sapaan dan Panggilan	137
Jenis Rujukan Kehormat	144
Senarai Sapaan	154
Sistem Masyarakat Istana Kelantan	158
Dialek Sosial Masyarakat Istana Kelantan	177
Model Sapaan dan Panggilan Ervin-Tripp	180
Kesimpulan	188
Dapatkan Kajian 2 Variasi Penggunaan Kata Sapaan dan Bahasa Istana Di Istana Kelantan	
Variasi Penggunaan Kata Sapaan dan Bahasa Istana	189
Fungsi Variasi dalam Komunikasi Diraja	193
Variasi Kata Sapaan dan Sebutan Diri	201
Dapatkan Kajian 3 Kategori Penggunaan Bahasa Istana Mengikut Konteks	
Penanda Penggunaan Bahasa Istana	206
Konteks Penggunaan Kebahasaan	213
Konstruksi Bahasa Istana dalam Konteks Rasmi	230
Konteks dan Situasi dalam Bahasa Istana	249
Konteks Tak Rasmi	252
Konteks Hubungan Sosial dan Keluarga	253
Konteks Sosial Kata Sapaan Masyarakat Melayu di Istana	259
<b>V RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
Pengenalan	271
Rumusan	271
Keberkesanan Kajian	287
Cadangan	288
<b>BIBLIOGRAFI</b>	290
<b>LAMPIRAN</b>	300
<b>BIODATA PENULIS</b>	



## SENARAI JADUAL

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Senarai Sapaan dan Panggilan Masyarakat Istana Kelantan	155
2. Senarai Sapaan dan Ungkapan Masyarakat Istana Kelantan	157
3. Ganti Nama Diri dalam Bahasa Istana Kelantan	202
4. Konteks Komunikasi Sehala Bahasa Istana Kelantan: Titah Sultan	215
5. Sebutan Diri untuk Sultan	216
6. Teks Titah Raja Perempuan Kelantan	217
7. Sebutan Diri untuk Raja Perempuan Kelantan	218
8. Teks Ucapan Tengku Mahkota Kelantan	221
9. Sebutan Diri untuk Tengku Mahkota	221
10. Teks Ucapan Menteri Besar Kelantan	222
11. Sebutan Diri untuk Menteri Besar Kelantan	224
12. Teks Ucapan Yang Dipertua Majlis Agama Islam, Kelantan	227
13. Sebutan Diri untuk Pengucap	228
14. Sebutan Diri Sendiri Penutur Bahasa Melayu dalam Konteks Rasmi	240
15. Senarai Kata Sapaan Keluarga Diraja dalam Bahasa Istana	255
16. Senarai Kata Sapaan kepada Raja dalam Keluarga Asas	255
17. Senarai Kata Sapaan kepada Raja oleh Rakyat	256
18. Senarai Kata Sapaan Raja kepada Rakyat	258
19. Senarai Kata Gelaran dalam Masyarakat Melayu Kelantan	258
20. Senarai Kata Sapaan Masyarakat Awam	260
21. Jenis Sapaan kepada Ibu bapa	261
22. Kekerapan Jenis Sapaan kepada Ibu Bapa Masyarakat Melayu	262

23. Jenis Sapaan Adik-Beradik	264
24. Jenis Sapaan Adik-Beradik Anak Lelaki Pertama hingga Kelima	265
25. Jenis Sapaan Adik-Beradik Perempuan Pertama hingga Kelima	266
26. Sistem Sapaan kepada Ibu Saudara dan Bapa Saudara	267
27. Sapaan untuk Datuk Belah Ibu bapa	269

## SENARAI RAJAH

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
1. Rangka Konsep Kajian	54
2. Teori dan Prinsip Asmah	58
3. Ciri-ciri Khusus Teori dan Prinsip Asmah	59
4. Sebutan Diri dalam Teori dan Prinsip Asmah	63
5. Gelaran Kerabat Bergelar	107
6. Keturunan Perkahwinan Lelaki Tengku dengan Perempuan Tengku	107
7. Keturunan Perkahwinan Lelaki Tengku dengan Perempuan Nik/Wan/Raja/Tuan	108
8. Keturunan Perkahwinan Perempuan Tengku dengan Lelaki Nik/Wan/Raja/Tuan	108
9. Keturunan Perkahwinan Mengikut Pihak	108
10. Gelaran Keturunan dalam Sistem Masyarakat Istana Kelantan	109
11. Susun Lapis Masyarakat Melayu Kelantan	172
12. Sistem Sapaan Kanak-kanak	181
13. Sistem Sapaan Anak dalam Bahasa Istana Kelantan	182
14. Sistem Sapaan Bahasa Model Ervin-Tripp	183
15. Sistem Sapaan Bahasa Istana Kelantan	184
16. Sifat Suasana Sapaan oleh Ervin-Tripp	186
17. Model Sapaan Perurutan	187



## **GLOSARI**

Al-	penegas gelaran / sapaan dalam bahasa Arab
cerpu	lapik kaki yang dibuat daripada kulit
Chih-tu	sumber sejarah Cina menyebut Kelantan
Duli	debu ( yang melekat pada kaki), kaki
Ho-lo-tan	sumber sejarah Cina menyebut Kelantan
Ko-lo-cieh	sumber sejarah Cina menyebut Kelantan
Ko-lo-tan	
Tan-tan	sumber sejarah Cina menyebut Kelantan



## **SINGKATAN KATA**

BK	bintang kehormatan
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
ADO	penolong pegawai daerah
B	baris dalam perenggan teks
D	daulat
DO	pegawai daerah
dg	datuk gelaran
D.K.	Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati
DKN	darjah kebesaran negeri
Dr.	doktor
DUN	Dewan Undangan Negeri
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
ET	Ervin-Tripp
EXCO	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri
F	formal
g	gelaran
gab	gelaran bahasa Arab
gag	gelaran agama
gak	gelaran akademik
gi	gelaran ikhtisas
gk	gelaran kurniaan
gkk	gelaran kurniaan kanan
grp	gelaran raja perempuan



gs	gelaran sultan
gw	gelaran warisan
gwb	gelaran warisan bapa
gwk	gelaran warisan kanan
I	institusi istana
K	kemuliaan
<b>KBDYM</b>	<b>Kebawah Duli Yang Maha Mulia</b>
Ks	kuasa
<b>MAK</b>	<b>masyarakat awam Kelantan</b>
<b>MAIK</b>	<b>Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan</b>
<b>MIK</b>	<b>masyarakat istana Kelantan</b>
n	nama diri
OrA	orang awam
P	perenggan dalam teks
prh	prarujukan kehormat
r/ rh	rujukan kehormat
S	saya
<b>SUK</b>	<b>Setiausaha Kerajaan (Negeri)</b>
Tg	Tengku
<b>YDP</b>	<b>Yang Dipertua</b>

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Latar Belakang Kajian**

**Bahasa Istana** ialah bahasa perhubungan dalam kalangan kerabat diraja dan rakyat jelata. Asmah Haji Omar (2004 :1) menggunakan istilah bahasa diraja dan mengatakan bahawa bahasa diraja ialah bahasa yang digunakan dalam perhubungan kebahasaan di mana sekurang-kurangnya salah satu pihak terdiri daripada keluarga diraja. Bahasa perhubungan antara kalangan keluarga diraja dengan rakyat jelata mempunyai ciri-ciri khusus yang menandakan perbezaan dengan bahasa orang kebanyakan. Penggunaan bahasa istana mengikut konteks, iaitu baik dalam konteks rasmi mahupun konteks tidak rasmi. Konteks rasmi, iaitu penggunaan bahasa istana dalam urusan rasmi. Sementara penggunaan tidak rasmi pula kegiatan kebahasaan antara keluarga diraja dengan rakyat jelata ketika kegiatan sosial dan kekeluargaan. Penggunaan bahasa mengikut konteks menghasilkan variasi bahasa. Kelainan bahasa ini menandakan perbezaan bahasa istana dengan bahasa bukan bahasa istana. Perbezaan ditandai oleh faktor sistem dan makna bahasa dalam komuniti bahasa, iaitu sebutan, kata ganti nama diri, ungkapan, kosa kata dan tatabahasa.

Para sarjana bahasa telah sepakat menerima masyarakat dan bahasa merupakan bidang yang erat pertaliannya. Bahasa ialah satu bahan dalam disiplin linguistik dan masyarakat pula suatu bidang sosiobudaya yang jika dikaitkan dengan bahan



dikesan dalam kajian Sosiolinguistik. Bidang ini mengutamakan pertalian linguistik dengan psikologi kognitif. Sementara segelintir ahli bahasa cenderung kepada konsep konstruktif yang melihat manusia sebagai sebuah institusi yang terpelihara dan bahasa merupakan satu bahan yang berfungsi secara sosial. Oleh itu, bidang Sosiolinguistik menghubungkan bahasa dengan masyarakat. Hal ini demikian kerana makrososiolinguistik meliputi psikolinguistik, etnolinguistik, dan cabang lain seperti bahasa istana. Justeru, bahasa istana Kelantan yang dikaji oleh penyelidik dari sudut Sosiolinguistik merupakan bidang Makrososiolinguistik.

Hal ini dikesan dalam kajian bahasa Melayu yang dilakukan oleh ahli bahasa dan pengkaji bahasa. Kajian mereka mencakupi aspek kebahasaan dan linguistik sama ada dari sudut bentuk kata dan struktur ayat mahupun fungsi kebahasaan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian mereka berkisar kepada bentuk dan sistem sapaan serta fungsi komunikasi dalam masyarakat Melayu dari segi sosiolinguistik. Di samping itu, pengkajian bahasa istana dari segi sosiolinguistik amat sedikit dan tidak popular. Antara para pengkaji bahasa istana Melayu yang tersohor termasuklah Asmah Haji Omar (1980), Amat Juhari Moain (1989), dan beberapa pengkaji lain termasuk Dayang Hajah Fatimah Haji Awang Chuchu di Brunei Darussalam.

Bahasa istana atau bahasa dalam bermaksud kelainan bahasa sekiranya berlaku percakapan antara raja yang memerintah dengan rakyat jelata, (Amat Juhari Moain, 1989: 43) Begitu juga apabila memperkatakan sesuatu tentang raja perlu digunakan bahasa dalam atau bahasa istana. Bahasa istana hanya digunakan semasa berhubung dengan keluarga istana. Ungkapan dan kalimat yang diucapkan ialah sejumlah perkataan yang tersusun dan tertib baik bentuk panggilan, sistem sapaan

dan variasi kebahasaan mahupun kategori penggunaan kebahasaan mengikut konteks. Bahan kajiannya terhad pada bentuk kata sapaan dan panggilan dalam masyarakat Melayu dengan menggunakan prinsip Ervin-Tripp sebagai pendekatan sosiolinguistik. Sistem panggilan dalam bahasa Melayu menunjukkan bahawa sistem panggilan amat rapat dengan sistem nilai sosiobudaya dan menandakan perbezaan penggunaan bahasa dalam masyarakat Melayu.

Menurut Asmah (2004: 2) bahasa diraja ialah bahasa halus. Bahasa halus ialah istilah Asmah yang merujuk bahasa istana, tetapi tidak semua bahasa halus itu bahasa diraja yang digunakan dengan penuh sopan santun dan adab tertib walau dalam keadaan apa sekalipun. Asmah (2007:4) mentakrifkan sopan santun merujuk tingkah laku manusia. Sopan yang diambil daripada bahasa Arab, iaitu *soffan* yang disesuaikan dengan sebutan Melayu menjadi sopan. *Soffan* membawa makna halus dari segi tingkah laku. Namun tidak semua bahasa halus itu bahasa istana kerana yang diertikan sebagai bahasa halus itu ialah bahasa yang mempunyai ciri khusus yang menandakan perbezaannya dengan bahasa bukan diraja. Apabila berlaku interaksi, penutur dengan teliti memilih kata untuk menyampaikan mesej dan perasaan. Sementara bahasa halus orang kebanyakan mencerminkan tahap pendidikan dan budi pekerti. Sekali gus menghubungkan benda dengan cerita, iaitu subjek dengan predikat dan menyelitkan unsur peribahasa atau simpulan bahasa dalam proses komunikasi. Justeru, bahasa istana menggunakan perbendaharaan kata dan kalimat tertentu atau khusus yang tidak digunakan oleh penutur dalam kalangan komunikasi sesama mereka.

Selanjutnya, Dato' Nik Ishak bin Dato' Nik Daud (Dato' Kaya Nara), iaitu Ketua Istiadat Istana Kelantan telah menceritakan sejarah dan susur galur atau titih

Kelantan. Yang turut berkongsi cerita lisan orang tua Kelantan ialah Haji Yaacob bin Musa bin Jaafar. Beliau menerima cerita mulut daripada orang tuanya , iaitu Musa bin Jaafar yang pernah menjadi penghulu pada zaman pemerintahan Jepun di mukim Kuala Gris, iaitu kampung yang wujud sejak zaman Neolitik atau zaman Batu Baru (lihat LAMPIRAN 1, Peta Lokasi Bahan Prasejarah yang dipetik daripada Buku Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah, 2002) 2000 hingga 3000 sebelum masihi tahun dahulu, iaitu terletak lebih kurang 75 KM dari bandar Kuala Krai. Kampung ini didapati bahan artifak peninggalan zaman prasejarah, (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, 2002 :16-17).

Sementara kampung Lanchang, kampung Jenal, kampung Bunga Raya dan kampung Belud yang terletak di persisiran sungai Kelantan mukim Kuala Gris dikesan penempatan awal manusia, sejak 10 000 tahun yang silam berdasarkan penemuan arkeologi zaman prasejarah, (Warisan Kelantan XV, 1996:84). Beberapa penemuan bahan peninggalan zaman prasejarah, iaitu zaman Mesolitik atau zaman Batu Baru antara tahun 8000 hingga 2000 sebelum masihi dan Neolitik sekitar tahun 2000 hingga 3000 sebelum masihi. Penemuan bahan atau artifak di beberapa tempat di dalam negeri Kelantan, khususnya di kawasan Ulu Kelantan merupakan bukti kewujudan manusia di kawasan tersebut di bumi Kelantan.

Artifak dan bahan peninggalan kebudayaan Mesolitik atau Hoabinh, iaitu nama daerah yang dijumpai bahan pertukangan kebudayaan di Gua Madu, Gua Menteri dan Gua Musang. Claudius Ptolemy dalam Mohamed Mohd Salleh , (1996 : 85) seorang sarjana pemetaan dari Mesir menulis dalam buku “*Geographike Huphegesis*” menyebut ‘Koli Polis’ , ‘Tharra’ dan ‘Primula’ , iaitu merujuk tempat di

pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu, khususnya Kelantan. Sumber sejarah Cina menyebut ‘Tan-tan’, Kou-lo-tan’, ‘Ko-lo-cieh, ‘Chih-tu’, dan ‘Ho-lo-tan’. Cerita lisan orang-orang Kelantan mengatakan bahawa ‘Kelantan’ berasal dari perkataan ‘Gelam Hutan’ sejenis pokok paya. Ada juga cerita menyatakan pancaran cahaya kilat ‘Kilatan’ disebut orang Kelantan yang digelar Darul Naim bererti negeri makmur.

Sementara simbol negeri ialah bendera Kelantan yang mengandungi warna merah yang bermaksud kejujuran penduduk baik rakyat mahupun raja dan warna putih pula tanda kesucian raja negeri Kelantan. Selanjutnya mahkota pula tanda kedaulatan Sultan yang memerintah seluruh jajahan takluk negeri. Oleh itu, sejarah silam yang dikaji dikesan orang Kelantan menggunakan tutur bahasa yang unik dan budi pekerti yang halus. Tambahan pula rakyat Kelantan khususnya wanita yang rajin bekerja menjadi aset penting meninggikan imej dan martabat budaya rakyat Kelantan. Keunikan ini dijalin dan tokok dengan bahasa Kelantan ialah variasi bahasa di Malaysia.

Variasi bahasa Melayu dalam dialek Kelantan ini sering disalahertikan sebagai sifat kenegerian oleh segelintir orang. Namun kajian yang dilakukan dari aspek bahasa mendapati bahawa dialek merupakan keutamaan berbahasa yang sedikitpun tidak menjelaskan patriotisme penduduk Kelantan. Abdul Hamid Mahmood (1994 : 1) menjelaskan bahawa dialek ialah variasi daripada satu bahasa tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berbeza daripada bentuk standard dari segi lingusitik. Oleh itu dialek ialah kelainan bahasa yang diucapkan sekelompok penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa untuk berhubung antara satu sama lain.

Nik Hassan Shuhaimi Abd Rahman, (1987: 3 – 8 ) juga menegaskan bahawa penduduk Kelantan mewarisi kehidupan sebuah negeri yang menekankan jiwa bangsa atau rupa bentuk identiti sesebuah bangsa dan negeri. Beliau merupakan penyelidik dan pengkaji sejarah dan arkeologi Kelantan mengatakan bahawa teknik komunikasi melalui dialek hanya di majlis tak formal. Sebaliknya majlis rasmi dan formal kegiatan kebahasaan standard masih diutamakan. Apatah lagi penggunaan bahasa istana dalam kalangan masyarakat istana Kelantan masih kukuh. Justeru komitmen dan iltizam berbahasa dalam kalangan rakyat Kelantan merupakan petunjuk yang mendisiplinkan diri agar berbudaya kebangsaan tetapi bercirikan Kelantan.

### **Pemikiran Melayu dalam Bahasa Istana**

Hassan Ahmad menjelaskan bahawa pemikiran ialah proses akal yang sifatnya dipunyai oleh semua manusia yang berbeza dengan haiwan. Beliau mengatakan bahawa fikiran manusia ditentukan dan dipengaruhi oleh bahasa asli manusia (Worawit Baru@ Haji Ahmad Idris, 2004 : 1- 12). Meskipun teorinya telah ditolak oleh sarjana linguistik dan psikolinguistik tetapi soal hubungan tradisi pemikiran merujuk sejarah dan ketamadunan sesuatu bangsa khususnya masyarakat Melayu Kelantan yang dibentuk oleh bahasa Melayu dan agama Islam. Inilah sumber ketamadunan pemikiran, terutama masyarakat istana, ulamak, pemakalah sastera dan pihak penerbitan bahan cetak yang meletakkan bahasa sebagai alat komunikasi yang digunakan mengikut suasana dan konteks. Lazimnya mereka berfikir dan bercakap dalam dialek Kelantan tetapi berubah pola pemikiran bahasa ketika menggunakan bahasa istana yang telah ditandai dari aspek ungkapan dan penyebutan. Namun